

Suka basuh baju waktu malam antara punca cerai

Kes penceraian membimbangkan, faktor remeh jadi punca cerai

KUALA LUMPUR

Kes penceraian di negara ini semakin membimbangkan, berdasarkan Kajian Penduduk Malaysia Kelima yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh (PH-Segambut) berkata, faktor remeh menjadi antara punca penceraian mengikut statistik kes penceraian yang direkodkan oleh pasangan suami isteri.

"Statistik mendedahkan, lebih



HANNAH YEOH

satu pertiga perkahwinan berakhir dengan penceraian bagi pasangan di bawah usia lima tahun perkahwinan," katanya pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, peratusan punca penceraian bagi lelaki yang direkodkan ialah kerana tidak ada perse-

fahaman (56.2 peratus), isteri curang (11.8 peratus) dan campuran mertua atau ipar (10 peratus).

Manakala katanya, wanita pula peratusannya kerana tiada persefahaman (38 peratus), suami curang (20.5 peratus) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2 peratus).

"Berdasarkan data dari Jabatan Kehakiman Syariah, banyak penceraian yang difailkan pasangan muda menyatakan atas faktor remeh, antaranya isteri suka ikut rombongan, isteri suka basuh baju pada waktu malam, suami tidak suka isteri makan dalam kereta dan berbeza fahaman politik.

"Punca penceraian lain kerana gaji suami rendah dan tidur berdengkur. Saya bacakan di sini kerana kes penceraian yang sangat serius hanya kerana perkara remeh," katanya menjawab soalan Amin Ahmad (BN-Kangar).

Sementara itu beliau berkata, berdasarkan statistik daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) mendedahkan, jumlah penceraian di bawah usia perkahwinan lima tahun bagi orang Islam ialah 2,932 bagi tempoh 2013 hingga 2017.

Menurutnya, bagi orang bukan Islam, statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan 14,440 kes penceraian di bawah usia lima tahun.

Katanya, data tersebut adalah bagi tiga negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi bukan Islam katanya, Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu dengan 2,860 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,721 kes) dan Selangor (1,858 kes).

"Bagi orang Islam, jumlah kes penceraian di negeri lain masih di peringkat pengumpulan," katanya.